



Seorang Islam masuk Hindu bernama

telah heboh disiarkan oleh akhbar tempatan terutamanya-
yang bertulisan Jawi. Apakah tujuannya tidaklah diketahui
Pada hal seorang yang dibuktikan Tuhan mata hatinya jadi
murtad, bukanlah satu perkara yang luar biasa. Kalau
kerajaan Islam tentulah lain padahnya – kalau seorang
Islam murtad, maka hukumannya tentulah di bunuh, tetapi di negeri
kerajaannya bukannya kerajaan Islam – jadi apa boleh
buat. Yang sedihnya mengapa akhbar tempatan membesar-besarkan
perkara seperti ini?

* * *

Yang sangat menyedihkan akhbar tempatan itu
menjadikan perkara itu loncatan untuk menyerang alim
ulama. Alim ulama kononnya yang bersalah – sedang orang-orang
perseorangnya tidak bersalah. Apakah alim ulama itu
semuanya bertanggungjawab dalam perkara-perkara ceruk dapur
dan perkara-perkara rumah orang?

* * *

Satu perkara lagi dibabitkan pula alim ulama.
seorang wanita mahu suruh cium dalam suatu filem.
Perkara cium ini pun lalu meminta ‘fatwa’ kepada alim
ulama. Apakah sudah semua umat Islam di Semenanjung
ini jadi sebegitu bodoh dalam perkara yang diharamkan
Tuhan! Masha-Allah!

* * *

Wakil *Front Socialist* dalam Majlis

Mesyuarat Negeri Johor meminta kerajaan mengenakan bayaran
atas papan iklan “Gunakanlah Bahasa Kebangsaan”. Wakil
ini nampaknya hendak memberatkan pikulan usaha dalam
perkembangan bahasa kebangsaan. Ini tentunya sepuh
menunjukkan senam.

* * *

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengharamkan
sebuah buku di dalam bahasa Inggeris bernama “Aisyah”
iaitu mengenai isteri Nabi Saiyidatina Aisyah *Raḍi Allahu
anhā*. Langkah ini patut dipuji dan diharap kerajaan
bertindak lagi sebab ada banyak lagi buku-buku di dalam
bahasa Inggeris yang menyalahi pelajaran Islam. Kerajaan
Persekutuan harus pula menyelidiki buku dalam bahasa
Inggeris mengenai tafsir Qur’an dan hadis yang disusun
oleh orang-orang Kadiyani. Bagaimana pula Singapura dalam hal
ini?

* * *

Apabila terjadi sesuatu kejadian dalam hal
agama, orang-orang selalu ribut kepada alim ulama dan kepada
kekurangan buku-buku. Bung Irsyad Tuah telah menulis
dalam hal ini dengan menghendaki adanya kitab-kitab agama
seperti tafsir dan hadith lalu membanding dengan adanya
kitab-kitab seperti itu dengan Indonesia. Ini betul
bung – di Indonesia kalau sebuah kitab tafsir
diterbitkan sekurang-kurangnya 50,000 sekali terbit tetapi
di Malaya? 2,000 dua tahun belum tentu laku. Habis
bagaimana? Jawabnya syorkan kepada kerajaan buat bantuan
atau subsidi untuk membantu penerbit buku-buku agama-
atau sekurang-kurangnya untuk kutub khanah sekolah! Salahkan
kesedaran masyarakat subat ada lebih baik daripada menyalahkan
sesuatu golongan – **Cemeti al-Farouk**